

# Membina keharmonian kaum satu usaha berterusan

**U**CAPAN Menteri Kewangan Lawrence Wong di forum Institut Pengajian Dasar (IPS) mengenai kaum dan perkauman menyentuh isu penting dalam negara Singapura yang berbilang budaya.

Dari masa ke masa, isu-isu berkaitan kaum akan muncul. Ini memang seharusnya dijangkakan.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna kita semakin jauh daripada gagasan pemimpin perintis kita dalam mengilhamkan ikrar negara hampir enam dekad lalu - dengan kata-kata "Tanpa mengira kaum, bahasa dan agama".

Yang pasti, visi itu telah diuji akhir-akhir ini dengan penduduk berbilang budaya Kota Singa dikejutkan dengan beberapa insiden berburu perkauman yang tular di media sosial.

Kejadian-kejadian tersebut telah mendorong beberapa pemimpin negara untuk bersuara - dengan kenyataan paling menyentuh dilantunkan Menteri Ehwal Dalam Negeri merangkap Undang-Undang K Shanmugam.

Kata beliau dalam catatannya di Facebook bulan lalu sebagai respons kepada salah satu insiden perkauman itu: "Selama ini saya yakin Singapura berada pada landasan yang betul dalam isu toleransi agama dan harmoni. Berdasarkan beberapa perkara yang berlaku baru-baru ini, saya tidak lagi pasti."

Kenyataan beliau itu mencetus perbincangan meluas lagi mendalam mengenai isu yang selama ini lebih selesa dibincangkan di balik tabir kerana dianggap sebagai salah satu tanda batasan atau 'OB Marker' di sini.

Kemudian, dalam forum IPS itu, Encik Wong menyampaikan ucapan terperinci dan terus terang mengenai keadaan hubungan kaum di sini dan cabaran-cabaran yang kita hadapi.

Teras ucapan beliau meminta kaum majoriti di sini lebih peka mengenai cabaran yang dihadapi golongan minoriti.

Sedang ramai yang prihatin dengan insiden-insiden perkauman yang berlaku baru-baru ini, namun apa yang berlaku ada hikmahnya.

Ia membawa perbincangan mengenai isu yang amat penting ini daripada saluran privet dan media sosial ke aliran utama.

Ini memberi peluang topik kaum dan perkauman dibincangkan dalam suasana terkawal dengan konteks serta penjelasan terperinci mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi.

Ia juga mendorong lebih banyak pihak berkepentingan untuk tampil menyediakan wadah-wadah perbincangan bermakna dan membina, yang dapat melihat melebihi sudut emotif isu ini.

Bagaimanapun, apakah hala tuju dan tujuan perbincangan mengenai isu kaum ini?

Adakah ia setakat mengetengahkan pengalaman mengenai insiden-insiden

perkauman yang berlaku, dan apakah matlamat kita berkongsi pengalaman bersifat anekdotal ini?

Insiden-insiden yang tular baru-baru ini memberi satu peringatan bahawa ikrar negara itu adalah satu visi yang memerlukan kerja keras dan komitmen semua untuk merealisasikannya, dan meskipun sudah berdekad lamanya ia masih satu kerja dalam proses.

Keharmonian dan keupayaan penduduk berbilang kaum untuk hidup dan bekerja secara aman lagi harmoni adalah kunci bagi titik merah ini untuk terus makmur, bersinar dan menyerlah.

Justeru, sedang perbincangan mengenai kaum ini penting, ia juga harus didekati daripada sudut yang saling menguntungkan iaitu tiada sesiapa yang menang atau tewas, tidak semua keinginan setiap kaum dapat dipenuhi dan tolak ansur serta sikap saling memahami adalah kunci kepada kejayaan kita bersama.

Hakikatnya, isu perkauman telah wujud sejak sekian lama dan di mana-mana; dan besar kemungkinan ia tidak dapat dibanters sepenuhnya.

Meskipun demikian, banyak yang telah kita capai selama ini sehingga Singapura menjadi antara contoh sebuah negara berbilang kaum yang harmoni.

'Kesedaran baru' yang mencetus perbicangan lebih terbuka mengenai isu kaum ini dapat memperkuuh lagi perpaduan masyarakat berbilang kaum di sini.

4 Julai 2021



- Jelaskan maksud kaum dan perkauman.
- Apakah yang boleh dilakukan untuk membanteras perkauman?
- 'Isu perkauman mesti selalu dibincangkan secara terbuka.' Setujukah kamu dengan kenyataan ini? Bincangkan.



**BERSATU TEGUH:** Para pelajar Sekolah Rendah Westwood menyambut Hari Keharmonian Kaum dalam gambar yang dipetik pada 22 Julai 2019. Foto fail